

PKR desak Tian Chua, Haris Ibrahim dibebaskan
Malaysian Insider
Mei 23,2013

KUALA LUMPUR, 23 Mei — PKR hari ini mendesak pembebasan serta merta naib presiden mereka Chua Tian Chang dan aktivis NGO Asalkan Bukan Umno (ABU) Haris Ibrahim mengatakan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sebagai hipokrit kerana mengumumkan Akta Keharmonian Nasional untuk menggantikan Akta Hasutan tetapi pada masa sama menggunakan akta itu.

Menurut Pengarah Komunikasi PKR Nik Nazmi Nik Ahmad, Najib juga bercanggah dengan janji rekonsiliasi nasionalnya selepas pilihan raya baru-baru ini.

Chua, Haris dan seorang lagi pemimpin pembangkang Tamrin Ghafar ditahan secara berasingan hari ini kerana didakwa melakukan kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948, yang sebelum ini dikatakan akan dimansuhkan oleh Najib.

“Pada tahun lepas, Najib mengumumkan bahawa Akta Keharmonian Nasional untuk menggantikan undang-undang zalim tersebut, Akta Hasutan yang digubal penjajah tersebut kekal,” kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Setia itu dalam satu kenyataan hari ini.

“Dakwaan bahawa beliau mahukan rekonsiliasi nasional selepas pilihan raya baru-baru ini juga terbukti janji kosong semata-mata,” tambah beliau lagi.

Menurut Nik Nazmi, ini satu lagi bukti pentadbiran Datuk Seri Najib Razak masih lagi terperangkap dengan dasar-dasar lapuk Umno-BN.

“Ironisnya, ramai pimpinan UMNO-BN dan akhbar mereka Utusan Malaysia terus membakar sentimen perkauman namun tiada tindakan diambil ke atas mereka sedangkan pimpinan yang berjuang untuk demokrasi menjadi mangsa. Ini menunjukkan hipokrasi pentadbiran Najib.

“KEADILAN mendesak pembebasan serta-merta Tian Chua dan Haris dan pemberhentian pendakwaan bermotifkan politik terhadap aktivis Pakatan dan NGO,” katanya.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-desak-tian-chua-haris-ibrahim-dibebaskan/>